

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan penglibatan Malaysia dalam bengkel pembangunan Stesen Sains Antarabangsa Lunar di China pada September 2021, dan sama ada Malaysia juga akan menandatangani Artemis Accord.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Cheras atas soalan yang dikemukakan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa merupakan inisiatif kerjasama antara China dan Rusia dalam membangunkan fasiliti penyelidikan yang lengkap di bulan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan saintifik pelbagai bidang serta penerokaan dan pencerapan bulan.

2. Cadangan pelaksanaan program ini telah diumumkan pada April 2021, di *58th Session of the Scientific and Technical Subcommittee (STSC), United Nations Committee on the Peaceful Uses of Outer Space (UNCOPUOS)*. Program ini terbuka kepada semua negara di semua peringkat, seperti:

- perancangan;
- reka bentuk;
- pembangunan;
- pelaksanaan dan pengoperasian fasiliti; dan
- penglibatan dalam penyelidikan yang akan dilaksanakan.

3. Pada 27 September 2021, satu seminar tertutup iaitu Bengkel pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa atau dengan izin, *Russian-Chinese Joint Seminar on Cooperation in International Lunar Research Stations* telah dianjurkan oleh China National Space Administration (CNSA) dan State Space Corporation ROSCOSMOS di Zhuhai, China.

4. Seminar ini telah dihadiri oleh pakar-pakar dari United Nations Office for Outer Space Affairs (UNOOSA), European Space Agency (ESA), Asia-Pacific Space Cooperation Organization (APSCO) dan beberapa buah negara **termasuk seorang pakar dari Malaysia**. Seminar ini diadakan bertujuan membincangkan mengenai penyediaan deklarasi berkaitan cadangan pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa di Bulan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Program Artemis Accords yang diterajui oleh National Aeronautics and Space Administration (NASA), Amerika Syarikat adalah merupakan program penerokaan angkasa antarabangsa untuk tujuan aman termasuk penghantaran angkasawan wanita pertama ke Bulan pada tahun 2024. Satu perjanjian Artemis telah diwujudkan NASA pada tahun 2020 sebagai panduan aktiviti kerjasama yang akan dilaksanakan melalui perjanjian dua hala dan menjelaskan mengenai peruntukan perundangan dan tanggungjawab negara yang menyertai program ini. Antara negara yang telah menandatangani program Artemis Accords ini adalah Australia, Kanada, Itali, Jepun, Luxembourg, United Arab Emirates dan United Kingdom.

6. Penyertaan program ini dibuka kepada semua negara, namun buat masa ini, Kerajaan **belum berhasrat untuk menandatangani Artemis**

Accords. Kerajaan berpandangan bahawa Malaysia masih belum bersedia untuk menyertai inisiatif ini dan keputusan untuk menandatangani program seumpama ini perlu diteliti terlebih dahulu dari pelbagai aspek termasuk implikasi kewangan dan kelebihan yang menguntungkan negara sebelum menyertai Artemis Accords atau pun menyertai inisiatif pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa.

7. Negara juga perlu meningkatkan kemampuan penguasaan teknologi angkasa dari kalangan pakar-pakar tempatan sama ada dalam sektor Kerajaan dan swasta. Selain itu, memandangkan kedua-dua program ini melibatkan aktiviti-aktiviti penerokaan di angkasa, maka Negara perlu terlebih dahulu:

- memperkukuhkan pelaksanaan Dasar Angkasa Negara 2030;
- meratifikasi triti angkasa antarabangsa berkaitan angkasa; dan
- mempunyai akta angkasa domestik bagi mengawal selia aktiviti angkasa sebelum menyertai aktiviti-aktiviti berkenaan bagi memastikan pematuhan perundangan yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum jua, MOSTI baru sahaja membentangkan Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia di dewan yang mulia ini iaitu:

- bacaan kali pertama pada 3 November 2020; dan
- bacaan kali kedua pada 28 Oktober 2021.

Selepas ini, Rang Undang-Undang ini perlu diluluskan di Dewan Negara terlebih dahulu sebelum boleh dikuatkuasakan.

Sekian, terima kasih.